

Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam

A Father's Personality from the Islamic Perspective

Izzah Nur Aida Zur Raffar (Pengarang Penghubung)
Department of Dakwah and Leadership Studies, Faculty of Islamic Studies,
National University of Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
Tel: +6013-2786191 E-mail: izzahmujahidah@yahoo.com.my

Salasiah Hanin Hamjah
Department of Dakwah and Leadership Studies, Faculty of Islamic Studies, National
University of Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia
Tel: +603-89213505 E-mail: salhanin@ukm.edu.my

Abstract

Islam views the family as an institution which shapes the society to be built. Parents in particular are important individuals in the family who play the role of bringing the family towards well-being and the pleasure of Allah swt. A father as leader of the family has a greater responsibility to be the role model to his wife and children. However, various crises and conflicts that occur in the domestic household and family issues involve a father's personality such as bad or hot temper, incest, abuse, neglect to provide maintenance, just to name a few. Therefore, the objectives of this study are to review the personality concept in Islam and further identify the personality traits of the father from the Islamic perspective. This research is designed as a qualitative study using content analysis approach. The results of this study show that personality in Islam can be seen through the state of the human psyche which is expressed through external action. There are four personality traits of the father from the Islamic perspective identified in this study. It may have an impact on the development of a father's personality towards the well-being of the family and the Islamic community.

Keywords: Personality, Islamic Perspective, Father, Personality traits.

Abstrak

Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Ibu dan bapa khususnya merupakan individu penting dalam keluarga berperanan untuk membawa keluarga ke arah kesejahteraan dan keredhaan Allah. Bapa sebagai ketua kepimpinan keluarga mempunyai tanggungjawab yang lebih besar seharusnya menjadi '*role model*' kepada isteri dan anak-anak. Namun demikian, pelbagai krisis dan konflik yang berlaku dalam rumah tangga dan kekeluargaan melibatkan isu personaliti bapa seperti panas baran, sumbang mahram, penderaan, pengabaian nafkah dan sebagainya. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji konsep personaliti dalam Islam seterusnya mengenal pasti ciri-ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam. Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan personaliti dalam Islam dapat dilihat menerusi keadaan jiwa manusia yang akan melahirkan tindakan luaran. Terdapat empat ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam yang dikenal pasti dalam kajian ini. Kajian ini dapat memberi impak terhadap pembinaan personaliti bapa ke arah kesejahteraan keluarga dan masyarakat Islam.

KataKunci: Personaliti, Personaliti Islam, Personaliti Bapa, al-Quran, al-Sunnah

Pengenalan

Keluarga adalah komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Kewujudan negara tidak akan sempurna tanpa institusi keluarga kerana Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina (Ratna Roshida & Nik Haslinda, 2007). Menurut Azizi (2010), kewibawaan dan keteladanan ibu bapa dalam keluarga sangat menentukan pembentukan nilai agama, moral, sosial dan disiplin diri anak-anak. Hal ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah bahawa “Setiap bayi yang dilahirkan adalah fitrah, maka kedua ibu bapanya yang berperanan menjadikan bayi tersebut membesar sama ada menjadi seorang ‘Yahudi’, ‘Nasrani’ atau ‘Majusi’” (Zakiyah & Ismail, 2004). Walaubagaimanapun, dalam Islam tanggungjawab ketua kepimpinan keluarga terletak pada kaum bapa disebabkan Allah telah mengangkat kedudukan kaum lelaki berbanding kaum wanita dengan beberapa potensi dan keistimewaan seperti keberanian, kekuatan agama, akal, rasional dan tidak mudah didorong oleh perasaan (Zulkifli al-Bakri, 2010). Allah berfirman dalam surah al-Nisa’ (4), ayat 4 yang bermaksud: “*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan*”.

Justeru, sesuai dengan potensi dan penghormatan yang begitu tinggi diberikan kepada kaum lelaki khususnya bapa, maka mereka harus menguruskan anak-anak dan ahli keluarga serta dapat mengatasi persoalan dan krisis yang timbul di dalam rumahtangga dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Hal ini menunjukkan bapa perlu mempunyai personaliti yang baik seperti mana petunjuk Allah dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah (s.a.w)

Personaliti bapa daripada perspektif Islam adalah antara isu yang perlu diberi garis panduan tepat bagi mengatasi masalah berkaitan dengan isu

rumahtangga dan kekeluargaan. Terdapat bukti menunjukkan masalah dan kes kekeluargaan yang berlaku di Malaysia dikaitkan dengan bapa. Sebagai contoh, kes sumbang mahram antara bapa dan anak perempuan atau dikenali sebagai penderaan seksual atau *insest* seperti dalam kajian yang dilakukan oleh Salina Nen et al. (2012). Selain itu, kes penderaan fizikal kanak-kanak semakin meningkat disebabkan ibu bapa bersikap panas baran dan gagal mengawal emosi dan kemarahan ketika melakukan penderaan sehingga menyebabkan mangsa cedera parah atau maut (Muhammad Hafiz, 2014). Kes penderaan tersebut secara tidak langsung melibatkan pihak bapa.

Isu penderaan fizikal atau seksual seterusnya membawa kepada masalah yang lain pula apabila timbul kesan negatif terhadap anak-anak yang terlibat seperti dalam kajian Fizwani et al. (2008) yang menyatakan sebilangan besar mangsa kes *insest* mengalami kesan negatif yang serius sehingga memerlukan terapi apabila mereka meningkat dewasa. Antara kesan-kesan negatif termasuklah hilang kepercayaan pada orang lain, takutkan hubungan intim, murung, rasa ingin bunuh diri, tingkah laku yang merosakkan diri sendiri, keyakinan diri yang rendah, rasa bersalah dan marah, rasa terasing dari masyarakat atau keluarga, penyalahgunaan dadah, masalah pemakanan dan masalah personaliti.

Di samping itu, isu personaliti bapa perlu diberi perhatian agar dapat menangani konflik dalam rumah tangga seperti pergaduhan dan pertelingkahan berkaitan isu pengabaian nafkah, bapa tidak mencukupkan keperluan anak dan isteri, tidak menyediakan tempat tinggal yang selesa, tidak menjelaskan sewa rumah dan sebagainya (Raihanah et al., 2013; Perpustakaan Negara, 2013). Berdasarkan perbincangan di atas berkenaan isu-isu yang melibatkan bapa, memberi gambaran umum kehilangan personaliti dan akhlak bapa yang baik pada masa kini. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan dan tiada langkah bagi mengatasinya, adalah berpotensi untuk menjejaskan keharmonian rumahtangga

dan akhirnya membawa keruntuhan institusi keluarga.

Konsep Personaliti dalam Islam

Hasil kajian lepas mendapati personaliti didefinisikan dengan pelbagai takrifan sama ada daripada perspektif Barat mahupun perspektif Islam. Istilah personaliti berasal daripada Bahasa Latin iaitu *persona* atau *personalitas* yang bermaksud topeng. Dalam Bahasa Inggeris disebut *personality* yang memberi makna '*the qualities and features of a person*', *the quality of having a strong, interesting and attractive character, also a famous person*' (Oxford Wordpower, 2005). Hasil kajian Habibah & Noran Fauziah (2006) mendapati pelbagai pandangan tokoh Barat membincangkan tentang personaliti. Antaranya, Crow menyebutkan bahawa personaliti adalah perwatakan fizikal, corak pertuturan dan daya penarik yang dimiliki oleh individu itu sendiri. Manakala, Gage & Berliner pula menyatakan personaliti adalah segala aspek tingkah laku manusia kerana ia merupakan motif, sikap, pendapat, kepercayaan, pemikiran kognitif, emosi dan ciri-ciri seseorang. Kesimpulannya, Habibah & Noran Fauziah (2006) merumuskan konsep personaliti yang dikatakan lebih menyeluruh telah dinyatakan Waren & Carmichael (1930) iaitu organisasi dinamik dalam diri yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaian kepada persekitarannya.

Walaubagaimanapun, istilah personaliti dalam konteks Bahasa Arab dan perspektif Islam pula merujuk kepada sahsiah atau akhlak (Abd. Rauf et al., 2005; al-Mawrid, 2005; Shahabuddin & Rohizani, 2007; Habibah & Noran Fauziah, 2006). Jika dilihat dalam Kamus Dewan edisi ketiga (2002) mendefinisikan personaliti sebagai keperibadian dan perwatakan. Manakala, Ibn Manzur dalam kitab Lisan al-Arab menyatakan personaliti atau dikenali dengan akhlak bermaksud tingkah laku seseorang yang telah menjadi tabiat dan merupakan satu gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang (Ghazali, 2003). Selain itu, akhlak juga merujuk

kepada suatu situasi iaitu disposisi atau hal yang terjana dalam diri (*al-nafs*) seseorang manusia. Situasi tersebut merupakan dimensi rohaniah yang sangat penting kerana ia menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan manusia (Mohd Nasir, 2005).

Uthman Najati (1985) dalam buku *al-Quran wa 'ilm al-Nafs* menjelaskan personaliti atau sahsiah bermaksud susunan dinamik dalam diri individu manusia yang menentukan watak tersendiri sewaktu menyesuaikan diri dengan persekitaran. Ia bertindak melibatkan jasmani dan rohani sehingga dapat menentukan keperibadiannya yang berbeza daripada orang lain. Selain itu, personaliti dipupuk dengan keimanan dan ketaqwaan. Antara faktor luaran ialah kejayaan yang diperolehi, semangat, pujian dan sebagainya. Manakala, faktor dalaman pula ialah perasaan cinta kepada Allah, bertaqwa, sabar dan segala sifat yang baik. Hasil daripada gabungan keduanya dapat menghasilkan seorang Muslim berpersonaliti mengikut al-Quran dan mampu menghadapi dugaan.

Hal ini disokong oleh Fariza et al. (2008) dengan menyatakan personaliti bermaksud keperibadian, tingkahlaku, perangai atau perwatakan seseorang yang terhasil daripada faktor dalaman dan luaran individu iaitu jasmani dan rohani yang secara umumnya memperihalkan sifat-sifat fizikal, emosi dan kognitif seseorang individu sehingga dapat menampilkan ciri-ciri keperibadian tersendiri yang boleh membezakannya daripada orang lain. Secara ringkas, hasil perbincangan di atas jelas menunjukkan personaliti dalam Islam adalah merujuk terhadap aspek akhlak, sahsiah, peribadi, nilai dan kognitif individu yang melahirkan tindak tanduk luaran seseorang secara lebih jelas, namun punca utama pembentukan personaliti Islam adalah berpandukan keadaan dalaman dan jiwa individu.

Ciri-Ciri Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam

Dalam perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa bapa perlu mempunyai personaliti baik lagi terpuji agar dapat memberi contoh yang baik kepada anak-anak. Ciri-ciri personaliti bapa mithali dapat diperoleh dalam kitab suci al-Quran dan al-Sunnah. Bahkan, ia dapat dilihat secara langsung menerusi sunnah Rasulullah (s.a.w) terhadap keluarga khusus kepada anak-anak baginda. Anak adalah kurnia Allah yang tidak ternilai harganya dan mereka adalah amanah Allah kepada ibu bapa yang perlu dijaga, diasuh dengan baik, diberi kasih sayang dan dipenuhi segala haknya (Abdul Halim, 2010; Ghazali, 2003). Justeru, bapa sebagai ketua pemimpin keluarga perlu mencontohi personaliti kebapaan Rasulullah (s.a.w) agar peranan dan tanggungjawab dapat diuruskan dengan sebaik-baiknya. Ciri-ciri personaliti bapa yang dikenal pasti dalam al-Quran mahupun al-Sunnah adalah pelbagai dan sangat luas. Namun demikian, kajian ini hanya memfokuskan kepada empat sahaja ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

Sabar dan Ikhlas Mencari Rezeki dan Memberi Nafkah

Dalam Islam, bapa bertanggungjawab mencari rezeki dan memberi nafkah kepada anak (al-Tharairah, 2008) sebagaimana firman Allah dalam surah al-Talaq (65):7 yang bermaksud: *“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya”*.

Melalui hadith Rasulullah (s.a.w), para ulama’ menentukan jenis nafkah tersebut terdiri daripada nafkah makan, minum, penjagaan pakaian, keperluan hidup, tempat tinggal dan sebagainya (al-Sya’rawi, 2000; Zulkifli al-Bakri, 2010; Abdul Rahman, 2001). Bapa juga perlu memastikan kehalalan nafkah yang diberikan kepada anak. Ia memerlukan sikap

sabar dan tidak mengeluh kepenatan kerana Allah yang memberikan rezeki kepada hamba-hambanya. Bapa seharusnya bersikap bijak dalam memberikan nafkah kepada anak-anak, tidak terlalu berlebihan dan tidak terlalu kedekut (Abdul Ghalib, 1998). Pemberian nafkah kepada anak, keluarga dan pelayan merupakan suatu bentuk sedekah apabila dilakukan dengan niat yang ikhlas malah berhak mendapat pahala sedekah tersebut. Sabda Rasulullah (s.a.w) yang bermaksud: *Apa yang engkau beri makan kepada dirimu sendiri maka itu dianggap sebagai sedekahmu, yang engkau beri kepada anakmu dianggap sebagai sedekahmu, yang engkau beri makan kepada isterimu dianggap sebagai sedekahmu dan yang engkau berikan kepada pembantumu dianggap sebagai sedekahmu”* (Hadis Riwayat Ahmad: Kitab Musnah Ahmad bin Hambal, Hadis al-Miqdam ibn Ma’ri Karba al-Kindi)

Justeru, pemberian nafkah oleh seorang bapa kepada anak-anak dan keluarga adalah suatu tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh Allah, bahkan tindakan yang ikhlas tersebut secara tidak langsung adalah sedekah malah mendapat ganjaran pahala pula.

Pendidik dan Pembimbing Utama Anak-Anak

Bapa bertanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak terhadap tiga aspek utama dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak (Ishammudin, 2009). Sebagai bukti, Lukman al-Hakim seorang ahli hikmah yang bijaksana telah menentukan asas pendidikan kepada anak-anaknya berdasarkan tiga prinsip kukuh tersebut (Rosnaaini et al., 2012). Pendidikan Luqman kepada anak-anaknya adalah cara didikan yang terbaik sehingga kisah tersebut dirakam dalam al-Quran sebagaimana dalam Surah Luqman. Pendidikan Luqman kepada anak-anaknya dapat dijadikan contoh panduan pengajaran kepada para bapa dalam usaha membimbing anak-anak masa kini.

Dalam konteks pendidikan akidah kepada anak-anak, teras utama pendidikan nilai yang

ditekankan ialah berpegang teguh dengan kepercayaan kepada Allah SWT serta tidak mensyirikkan-Nya. Kepercayaan yang jitu kepada kewujudan Tuhan menjadi intipati penting bagi pembentukan nilai murni, seterusnya melahirkan anak yang bermoral dan generasi yang harmoni (Arifin & Adnan, 2013). Hal ini dapat dilihat dalam kisah Luqman sepertimana dijelaskan melalui firman Allah dalam surah Lukman (31), ayat 13 yang bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:” *Wahai anak kesayanganku, janganlah Engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”*.

Pendidikan akidah kepada anak-anak juga merangkumi aspek keimanan terhadap perkara-perkara ghaib seperti beriman kepada Malaikat, Kitab, Rasul, Alam Kubur, Hari Kebangkitan, Syurga, Neraka, *Qada'* dan *Qadar*. Bapa perlu melengkapkan anak-anak dengan kefahaman yang berasal daripada pendidikan keimanan, membiasakan diri dengan asas-asas pengajaran Islamiah dan mencintai Rasulullah (s.a.w) dan ahli keluarga baginda (s.a.w) sejak daripada kecil sehingga dewasa. Keimanan merupakan perkara penting dalam kehidupan manusia kerana keimanan boleh memberi kesan positif kepada kesihatan jiwa, merupakan sumber segala kebaikan dan gambaran kepada komponen Islam yang paling mulia (Salasiah, 2008; Abdullah Nasih Ulwan, 1988).

Manakala dalam konteks ibadah pula, bapa perlu membimbing anak-anak sejak daripada kecil lagi terutamanya mengajarkan anak-anak mendirikan ibadah solat. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1988), bapa bertanggungjawab mengajarkan anak-anak tentang solat sejak dari umur 7 tahun. Jikalau anak tidak mahu, maka ketika berumur 10 tahun, mereka perlu dipukul bertujuan menakutkan tanpa memudharatkan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa anak-anak yang berumur 10 tahun wajib disuruh mengerjakan solat, malah wajib dipisahkan

tempat tidur antara anak lelaki dengan anak perempuan sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w) yang bermaksud: *Daripada 'Amru bin Syu'aib, daripada bapanya, daripada datuknya berkata, sabda Rasulullah (s.a.w): 'Suruhlah anak-anak kamu mengerjakan solat semasa mereka sudah berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika tidak solat) kalau sudah berumur sepuluh tahun. Kemudian pisahkan tempat tidur mereka” (Hadis Riwayat Abu Daud: Kitab al-Solat, Bab al-Solat fi mara'id al-ghanam wa a'than)*

Berdasarkan hadis di atas jelas menunjukkan keutamaan ibadah solat yang perlu diterapkan kepada anak-anak seawal umur 7 tahun. Matlamat solat ialah menghindarkan seseorang individu atau anak-anak dari sifat yang buruk serta keji, kerana solat adalah proses penyucian diri sama ada jasmani atau rohani. Hal ini dapat membuktikan bahawa jati diri, disiplin diri, dan komitmen tinggi yang dibina melalui solat terhadap anak-anak akan menjadi benteng yang kuat dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan mendatang (Arifin & Adnan, 2013). Selain pendidikan akidah dan ibadah diterapkan kepada anak-anak, pendidikan dari aspek akhlak atau adab-adab Islam juga perlu diberi didikan oleh bapa. Akhlak mulia yang diajarkan dalam Islam meliputi seluruh aspek kehidupan seperti jujur, menepati janji, berani, sopan santun, menghormati orang tua, tolong-menolong kepada orang yang memerlukan, menyayangi orang lemah dan sebagainya. Hal ini dapat menjadikan anak tersebut orang yang bertaqwa dan berakhlak mulia. Sabda Rasulullah (s.a.w) yang bermaksud: “*Muliakanlah anak-anak kamu dan baguskan adab mereka” (Hadis Riwayat Ibu Majah: Kitab al-Adab, bab birra al-Walid wa al-Ihsan ila al-Banat)*

Secara ringkas, al-Quran dan al-Sunnah telah menyatakan begitu jelas berkenaan tatacara pendidikan terbaik yang perlu diberikan oleh ibu bapa khususnya bapa kepada anak-anak. Justeru, berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa bapa memainkan peranan penting sebagai guru pertama dan utama untuk

membimbing dan mendidik anak-anak terhadap aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam Islam.

Berakhlak Mulia dan menjadi Contoh Ikutan Anak-Anak

Bapa perlu mempamerkan akhlak mulia kepada anak-anak supaya bapa dapat menjadi tauladan, panduan dan ikutan kepada anak-anak. Pendidikan adab atau akhlak yang diberikan kepada anak-anak adalah penting sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, namun sifat-sifat tersebut tidak akan terbentuk pada anak-anak, kecuali bapa bersikap baik terlebih dahulu. Hal ini disebabkan anak-anak sering mengikuti dan meniru perbuatan atau percakapan bapa dan ahli keluarga yang lain sama ada baik mahupun buruk (Asmawati, 2009). Hal ini turut disokong oleh Abdullah Nasih Ulwan (1988) dengan menyatakan sekiranya ibu dan bapa khususnya menginginkan anak-anak berkelakuan baik, berkata benar, beramanah, iffah dan rahmat serta menjauhi kebatilan, maka mereka perlu menunjukkan contoh yang baik dalam kebajikan, menjauhi kejahatan, melengkapkan diri dengan akhlak mulia, menyingkirkan sifat tercela, berkata benar dan meninggalkan perkara yang dipandang hina di sisi Allah.

Sebagai contoh, anak yang sering mendengar kata-kata bapa yang kufur, nista, maki hamun dan cercaan, tidak mungkin dapat belajar untuk berbicara dengan manis dan sopan. Manakala, anak yang melihat bapa berkelakuan marah, bengis dan kasar, tidak mungkin belajar untuk bertimbang rasa dan menjadi orang yang berkasih sayang serta penuh rahmat (Abdullah Nasih Ulwan, 1988). Justeru, jelas mendapati tindakan negatif bapa seperti contoh yang telah disebutkan memberi kesan buruk kepada perkembangan anak-anak. Hal ini wajar dijauhi oleh golongan bapa. Bapa yang baik seharusnya mencontohi Rasulullah (s.a.w) yang sentiasa berlembut dan berkasih sayang terhadap anak-anak baginda (s.a.w) .

Menurut Mohd Azrul (2013), mempamerkan teladan yang baik akan memberi kesan yang

positif terhadap jiwa anak-anak kerana mereka sentiasa memerhatikan tingkah laku ibu dan bapa mereka. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan anak-anak mereka. Rasulullah (s.a.w) memerintahkan ibu bapa agar sentiasa bersikap mulia dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Selain itu, dari aspek amal ibadah, sebagai seorang bapa perlu mengajar anak-anak untuk beribadah dengan menjadikan diri bapa sebagai seorang model untuk diteladani kerana anak-anak melihat dan meniru apa yang berlaku di hadapan mereka. Justeru, berdasarkan huraian dan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bapa mithali perlu mempunyai personaliti baik untuk memberi contoh teladan atau '*role model*' kepada anak-anak.

Bergaul dan Melayani Anak-Anak dengan Kasih Sayang

Bapa mithali juga perlu memberi layanan dan bergaul dengan kasih sayang terhadap anak-anak kerana kasih sayang memberi pengaruh besar sekali dalam pembentukan jiwa anak-anak. Seorang bapa seharusnya mencurahkan kasih sayang pada masa lapang kepada anak-anak, bahkan lebih baik apabila seorang bapa boleh meluangkan waktu khusus untuk bermain dan berkomunikasi dengan anaknya (Yusuf Ba'daroni, 1996; Abdul Aziz, 2013). Sebagai contoh, Nabi Muhammad (s.a.w) sangat menyayangi anak-anak, malah baginda (s.a.w) seringkali bermain dengan kedua-dua cucu baginda iaitu Hasan dan Husin seperti menggendong, memangku, mendudukkan mereka di atas kedua bahunya dan mencium mereka (Hadad Alwi, 2011).

Terdapat dua hadis yang dapat diketengahkan dalam konteks layanan kasih sayang Nabi (s.a.w) terhadap kanak-kanak dalam artikel ini. Pertama, Rasulullah (s.a.w) mencium Hasan dan Husin di hadapan al-Aqra bin Hubais al-Tamimi yang ketika itu berada di rumah baginda. Al-Aqra berkata: "*Ya Rasulullah, aku mempunyai sepuluh orang anak, tetapi aku belum pernah sama sekali mencium seorang daripada*

mereka". Kemudian, Rasulullah (s.a.w) menatap wajah al-Aqra lalu bersabda, "*Siapa yang tidak menyayangi, maka dia tidak akan disayangi*" (Ali Qutb, 1992; Ahmad Zahiruddin, 2013). Kedua, semasa Rasulullah (s.a.w) mengimamkan solat jemaah di masjid dalam keadaan sujud, Hasan dan Husin yang masih kecil memanjat belakang Rasulullah (s.a.w). Baginda (s.a.w) sengaja memperlambatkan sujud supaya kedua cucunya itu turun dari belakang. Selesai solat, para sahabat bertanya mengapa Rasulullah (s.a.w) sujud begitu lama. Rasulullah (s.a.w) menjawab, "*Tadi kedua cucuku naik ke atas belakangku, dan aku tidak mahu mengganggu kesenangan mereka. Maka aku menunggu sehingga keduanya turun*" (Ali Qutb, 1992; Ahmad Zahiruddin, 2013).

Berdasarkan kisah tersebut memperlihatkan rasa cinta dan kasih sayang Nabi kepada anak-anak. Baginda (s.a.w) bukan sahaja kasih terhadap cucu baginda sahaja, bahkan terhadap anak-anak sahabat. Baginda sering menggendong mereka, memangku dan mengusap-usap kepala anak-anak tersebut (Hadad Alwi, 2011; Ahmad Zahiruddin, 2013). Hal ini menunjukkan kedudukan anak menurut Rasulullah (s.a.w), iaitu sebagai pelipur hati di kala duka dan penyegar semangat baginda (s.a.w). Akhlaq Husain (1995) dalam tulisannya bertajuk '*What The Parents Should Do*', telah mengajukan persoalan berbentuk '*reverse psychology*' iaitu sekiranya ibu bapa tidak melayani anak-anak mereka dengan penuh tanggungjawab dan kasih sayang, maka bagaimana ibu bapa dapat menganggap anak-anak akan melayani mereka dengan baik. Justeru, ibu bapa khususnya bapa digalakkan melayani anak-anak dengan penuh kasih sayang sepertimana tauladan Rasulullah (s.a.w).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan personaliti dalam Islam adalah merujuk terhadap aspek akhlak, sahsiah, peribadi, nilai dan kognitif individu yang melahirkan tindak tanduk luaran seseorang secara lebih

jasas, namun punca utama pembentukan personaliti Islam adalah berpandukan keadaan dalaman dan jiwa individu. Terdapat empat ciri-ciri personaliti bapa daripada perspektif Islam yang dapat dikemukakan dalam kajian ini iaitu bapa perlulah sabar dan ikhlas mencari rezeki serta memberi nafkah kepada anak-anak, menjadi guru pembimbing dan pendidik kepada anak-anak, mempamerkan akhlak mulia sebagai *role model* anak-anak serta melayani anak-anak dengan kasih sayang. Sementara itu, implikasi kajian diharap dapat memberikan motivasi kepada kaum bapa untuk mengetahui seterusnya mengamalkan personaliti bapa yang baik sebagaimana sunnah Rasulullah (s.a.w). Selain itu, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada Badan-badan Kerajaan dan Swasta dalam pelaksanaan program berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan seperti memantapkan isi kandungan kursus pra dan pasca perkahwinan. Personaliti kebapaan yang diamalkan dalam keluarga diharap dapat melahirkan generasi yang bersahsiah mulia dan keluarga yang harmoni. Personaliti bapa yang baik adalah berupaya mengatasi pelbagai masalah berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan yang banyak berlaku pada masa kini. Kajian ini seterusnya mencadangkan pihak bapa agar mengambil inisiatif tertentu untuk memperkukuhkan personaliti seperti muhasabah, berazam tinggi, mendalami ilmu agama, mendapatkan sokongan sosial dan motivasi isteri, ahli keluarga, jiran dan rakan-rakan serta melibatkan diri dalam program keibubapaan. Kesemua usaha ini diharap dapat membantu para bapa untuk memiliki personaliti yang baik seperti mana anjuran Islam.

Rujukan

Al-Quran.

Abd. Rauf, H., Abdul Halim, S., & Khairul Amin M. Z. (2005). Kamus Bahasa Melayu-Arab, Bahasa Arab- Melayu. Oxford Fajar Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.

Abdul Aziz, I. (2013). Indahnya Akhlak Warisan Rasulullah. Power Press & Design, Kuala

Lumpur, Malaysia.

Abdul Halim, A. M. (2010). *al-Huquq al-mutabadalah baina al-Aba' wa al-Abna'*. Dar al-Kutub al-Misriyah, Kaherah.

Abdul Rahman, R. (2001). *Munakahat: Membina Keluarga Bahagia*. Synergymate Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.

Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*. Jil. 2. Terj. Syed Ahmad Semait. Pustaka National, Singapura.

Ahmad Zahiruddin. (2013). *Hebatnya Rasulullah Teladani Peribadi & Pengurusan Kekasih Allah*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.

Akhlaq Husain. (1995). *Muslim Parents Their Rights and Duties*. Delhi: S. Sajid Ali Adam Publishers & Distributors.

Ali Qutb, M. (1992). *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Mawrid, M. B. (2005). *Kamus. Dar Ulum li al-Malayiin*, Beirut.

Al-Sya'rawi, M. M. (2000). *Ahkam al-Ushrah wa al-Bait al-Muslim*. Maktabah al-Turath al-Islami, Kaherah.

Al-Tharairah, M. M. A. (2008). *al-Ahkam al-Khasah bi al-Alaqah baina al-aaba' wa al-abna'*. Dar al-Nafais, Urdun, Jordan.

Arifin, M., & Adnan, A. R., (2013). Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan* 6 (2): 135-139.

Asmawati, S. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam, Konsep dan Amalan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Azizi, Y. (2010). *Keluarga Dalam Pembentukan Moral*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.

Fariza, M. S., Salasiah, H. H., & Mohd Jurairi, S. (2008). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Fizwani, M. S., Suhana, S., Mohamed Sharif, M., & Sulaiman Shakib, M. N. (2008). *Mengenal pasti punca-punca dan Kaedah Menangani Tingkahlaku Sumbang Muhram*. Kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Johor Baru, Malaysia.

Ghazali, D. (2003). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Habibah, E., & Noran Fauziah, Y. (2006). *Psikologi Personaliti*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadad Alwi. (2011). *Uswatun hasanah*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Ishammudin, I. (2009). *Kaunseling Keibubapaan*. Aras Mega, Selangor, Malaysia.

Kamus Dewan. (2002). *Dewan bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Azrul, A. (2013). *Rasulullah (s.a.w) Bapa Mithali*. *Solusi Isu* 8: 85-86.

Mohd Nasir, O. (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Hafiz, N. (2014). *Teropong Jenayah*. *Metro Ahad*, 7 September. Hlmn: 6-7

Oxford Wordpower. (2005). *Oxford University Press*, New York, USA.

Perpustakaan Negara Malaysia. (2013). *Konflik Rumah Tangga*. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Raihanah, A., Bahiyah, A., & Asmak, R. (2013). Penentuan Kadar Kifayah dan Maruf Nafkah Anak dan Isteri: Kajian terhadap penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah*. Vol. 1: 59-66
- Ratna Roshida, A. R., & Nik Haslinda, N. H. (2007). Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* 9:73-82.
- Rosnaaini, H. Suhanim, A. & Syahrul Faizaz, A. (2012). Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Lukman. Penerbit UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Salasiah, H. H. (2008). Pendekatan Dakwah al-Irsyad al-Nafsiyy menurut al-Ghazali: Kajian di PK MAINS. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Salina Nen., Fauziah, I., Suzana, M. H., & Zaizul, A. R. (2012). Kajian Kes Inses Bapa-Anak Perempuan: Memahami Pengalaman Dari Perspektif Mangsa. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 46-58.
- Shahabuddin, H., & Rohizani, Y. (2007). Teori Personaliti dari perspektif Islam, Timur & Barat. PTS Professional Publishing, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Uthman Najati, M. (1985). *al-Quran wa 'ilm al-Nafs*. Dar al-Syuruq, Beirut.
- Waren, H. C., & Carmichael, L. (1930). *Elements of Human Psychology*. Houghton & Mifflin, New York, USA.
- Yusuf Ba'daroni. (1996). *al-Ibnu ma'a Abihi wa Umihi*. Beirut: Dar al-Ulum li al-Malayin.
- Zakiah, J., & Ismail, K. (2004). *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*. Fakulti Pembangunan Sosial Dan Manusia, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.
- Zulkifli Mohamad, B. (2010). *Sistem kekeluargaan dalam Islam*. Darul Syakir Enterprise, Bangi, Selangor, Malaysia.

